

KENYATAAN YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI
MESYUARAT MAJLIS PENUH

17 MEI 2019

.....

1. SAMBUTAN HARI WESAK

Di kesempatan ini juga saya ingin mengucapkan selamat menyambut Hari Wesak kepada semua penganut agama Buddha yang bakal meraikannya pada 19 Mei 2019 (Ahad). Oleh itu, keesokan harinya merupakan hari kelepasan am.

2. MPSP CAR FREE MORNING PADA 2 JUN 2019 (AHAD)

Dimaklumkan bahawa program MPSP *Car Free Morning* yang sepatutnya diadakan pada 2 Jun 2019 (Ahad) di Jalan Todak 2 dan 3, Seberang Jaya tidak akan diadakan dan hanya akan berlangsung selepas berakhirnya bulan Ramadhan.

3. SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI TAHUN 2019

Dimaklumkan bahawa seluruh umat Islam dijangka akan menyambut Hari Raya Aidilfitri pada 5 Jun 2018 (Rabu) selepas berpuasa selama sebulan. Oleh itu, saya dengan rasa kesyukuran dan rendah hati ingin mengucapkan Selamat Hari

Raya Aidilfitri, maaf zahir dan batin kepada seluruh warga kerja MPSP dan penduduk Seberang Perai. Diharapkan perayaan pada tahun ini dapat mengeratkan lagi silaturrahim sesama kita dan saling menghormati antara satu sama lain. Oleh itu, hari tersebut merupakan hari kelepasan am.

4. MOU DENGAN TNB BAGI PEMASANGAN SOLAR & NON DISCLOSURE AGREEMENT (NDA) REVOTECH ELECTRICAL SDN BHD

MPSP komited untuk menjadikan Seberang Perai sebagai Bandaraya Rendah Karbon (*Low Carbon City*) dan Bandar Pintar (*Smart City*) menjelang tahun 2022. Pada tahun ini, Seberang Perai *Strategic Direction* diperkenalkan untuk memberi arah tuju strategik yang jelas untuk dilaksanakan oleh warga kerja MPSP. Seberang Perai *Strategic Direction* 2019 mengandungi empat (4) bahagian iaitu;

- i. penjanaan ekonomi kompetitif;
- ii. aktiviti-aktiviti untuk mencapai Bandaraya Rendah Karbon;
- iii. usaha-usaha ke arah Bandar Pintar; dan
- iv. sistem pengurusan yang berpaksikan rakyat (*people centric*)

Sejajar dengan itu, MPSP mengorak langkah dengan mengadakan hubungan *Smart Partnership 7Ps* bersama pihak Tenaga Nasional Berhad (TNB) bagi melaksanakan penggunaan Tenaga Boleh Baharu (TBB) melalui pemasangan sistem solar secara *Supply Agreement Renewable Energy (SARE)* di beberapa pasar awam milik MPSP. Fasa pertama, MPSP dan TNB telah memilih Pasar Awam Kepala Batas, Pasar Awam Bagan Ajam dan Pasar Awam Kota Permai. MPSP merupakan agensi PERTAMA di Pulau Pinang yang menandatangani SARE bersama pihak TNB. Melalui konsep ini, MPSP dapat menikmati kadar bayaran bil elektrik yang lebih rendah yang mana kadar yang ditawarkan adalah tetap bergantung kepada tempoh kontrak yang dipersetujui.

MPSP akan turut menandatangani *Non Disclosure Agreement (NDA)* bersama syarikat *Revotech Electrical Sdn Bhd* bagi menyatakan persefahaman untuk membenarkan pihak syarikat melaksanakan pengukuran sebenar penggunaan tenaga di bilik suis utama Menara MPSP Perda. Hasil data yang diperolehi akan membantu pihak syarikat mengeluarkan cadangan yang lebih jitu untuk pemasangan solar di tapak letak kereta Menara MPSP Perda.

5. PROGRAM TEMASYA SYAWAL @ BUTTERWORTH ART WALK BULAN MEI 2019

Majlis Perbandaran Seberang Perai dan Think City Sdn. Bhd. dengan kerjasama Zart Eventive akan menganjurkan Program Temasya Bagan di Butterworth Art Walk pada 22 Jun 2019 (Sabtu) di Lorong Bagan Luar 2, Butterworth. Tema sambutan Temasya Bagan bagi bulan Jun 2019 adalah Temasya Syawal sempena Sambutan Hari Raya Aidilfitri Tahun 2019. Program akan bermula pada jam 3.00 petang sehingga 11.00 malam.

Temasya Bagan merupakan salah satu *platform* yang dapat membuka ruang kepada komuniti dengan pelbagai komponen *education and awareness* dari segi seni, budaya dan warisan tempatan. Program ini mengetengahkan konsep mesra keluarga dan santai ilmu selain aktiviti sihat sebagai salah satu pengisian program. Semua penduduk Seberang Perai dijemput hadir bagi memeriahkan program Temasya Alam ini.

6. SENAMROBIK BERSAMA MPSP

Dimaklumkan Program Senamrobik Bersama MPSP di Padang Pemuda Merdeka, Butterworth yang juga dikenali sebagai

Padang Bandaran MPSP akan diadakan pada 16 Jun 2019 (Ahad). Manakala Senamrobik di Taman Berjaya, Nibong Tebal akan diadakan pada 23 Jun 2019 (Ahad). Sehubungan dengan itu, semua penduduk Seberang Perai adalah dijemput untuk turut serta dalam aktiviti kecergasan ini yang akan dimulakan pada jam 7.30 pagi.

7. PERASMIAN CAR BOOT BARTER TRADE & CABUTAN BERTUAH GALAKAN KITAR SEMULA

Dimaklumkan setiap Ahad minggu terakhir akan diadakan Karnival 8R anjuran bersama JCI Batu Kawan di Pasar Kota Permai pada 26 Mei 2019, jam 8.00 pagi sehingga 11.30 pagi. Anjuran karnival 8R kali ini berkonsepkan Car Boot Barter Trade dan Cabutan Bertuah Galakan Kitar Semula Sebanyak 20 buah kereta yang akan menyertai program ini dan akan menjalankan jualan dan juga tukar barang terpakai. Terdapat aktiviti cabutan bertuah kitar semula akan diadakan pada waktu tersebut, dan wang tunai sebanyak RM 50.00 tunai disediakan bagi 2 peserta yang bertuah.

MPKK Taman Keenways merupakan penganjuran bersama JCI Batu Kawan dan sebanyak 350 buah rumah yang menyertai

cabutan bertuah tersebut. Setiap rumah haruslah menyimpan barang kitar semula untuk dikutip bagi melayakkan mereka menyertai cabutan bertuah tersebut. Tujuan Karnival ini diadakan adalah untuk mewujudkan kesedaran akan kepentingan penggunaan bijak (smart consumption) bagi penjagaan alam sekitar demi masa hadapan. 8R yang dimaksudkan adalah Rethink, Refuse, Reduce, Re-use, Repair, Re-gift, Recover dan Recycle.

SEKIAN, TERIMA KASIH.